JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

Tel: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.sabah.gov.my

Bil. JBNS: (A)NO: 400-14/437/(108)

Tarikh: 29 Julai 2008

Setiausaha Kerajaan Negeri.
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri.
Semua Ketua Jabatan Negeri.
Semua Presiden Majlis Perbandaran.
Semua Pegawai Daerah.
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil.

Y.B. Datuk/Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6/2008
PEMATUHAN KEPADA PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH
BIL. ACGEN A/207/21 BERTARIKH 25 NOVEMBER 1993
BUKU TUNAI PEMUNGUT HASIL

1. TUJUAN

1.1 Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai pematuhan kepada kandungan dalam Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah **Bil. ACGEN No. A/207/21 bertarikh 25 November 1993, Buku Tunai Pemungut Hasil**.

2. PELAKSANAAN

2.1 Sejak kebelakangan ini, adalah didapati penyerahan Buku Tunai Pemungut Hasil Bulanan tidak mematuhi Pekeliling tersebut. Ini telah menyebabkan Bendahari-Bendahari Daerah berkenaan tidak dapat menyerahkan Akaun Tunai Bulanan mereka kepada Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri Sabah, Kota Kinabalu pada atau sebelum tarikh tertentu iaitu **05hb. bulan berikut** dan ini akan menjejaskan penutupan Akaun Bulanan Utama Kerajaan Negeri Sabah.

2.2 Meminta semua Pemungut Hasil menyerahkan Buku Tunai Pemungut Hasil Bulanan mereka setiap bulan kepada Bendahari Daerah berkenaan **pada atau sebelum 03hb. bulan berikut**.

3. TARIKH KUATKUASA

3.1 Tarikh kuatkuasa Pekeliling ini adalah dengan **serta merta**.

...2/-

Ruj: JBNS:(A)NO: 400-14/437/(108)
Tarikh: 29 Julai 2008

4. PENUTUP

4.1 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan Pekeliling ini, sila berhubung terus kepada Akauntan Seksyen Bendahari Daerah, Bahagian Pengurusan Bendahari Daerah dan Kewangan, Jabatan Bendahari Negeri Sabah melalui Modesta.Siambun@sabah.gov.my atau melalui telefon 088-272183 untuk penerangan lanjut.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH CEKAP DAN AMANAH"



(CHUI NGET NGO)
Bendahari Negeri

s.k.: Semua Bendahari Daerah.